



AKHBAR	:	KOSMO	:	MUKA SURAT	:	19
TARIKH	:	14/5/2018	:		:	
JABATAN	:	JAS	:		:	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	:		:	



MENJAGA kebersihan pantai termasuk Port Dickson merupakan antara agenda utama JAS Negeri Sembilan tahun ini.

JAS Negeri Sembilan mahu kekalkan keindahan pantai

PORT DICKSON - Kesedaran menjaga kebersihan pantai dan alam sekitar merupakan agenda utama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan tahun ini selaras dengan tema sambutan Hari Bumi 2018 peringkat negeri iaitu 'Program Plogging dan Indahkan Pantai Kita'.
Pengarah JAS negeri, Norhazni Mat Sari (**gambar kecil**) berkata, sambutan itu adalah selaras dengan hasrat JAS khususnya untuk menjaga kebersihan pantai dan memberi kesedaran pen-



jagaan alam sekitar. "Kelainan sambutan pada tahun ini adalah aktiviti plogging iaitu memungut sampah sambil berjoging secara berkumpulan yang dilaksanakan di sekitar kawasan Pantai Bagan Pinang terutamanya mengutip sisa plastik yang ada kerana penggunaan plastik yang tidak reput merupakan suatu ancaman terhadap alam sekitar."
"Ramai yang tidak tahu bahawa penggunaan plastik bukan sahaja mencemarkan daratan, sungai serta laut tetapi ia juga

mampu membunuh haiwan akuntik yang tertelan atau memakan plastik yang disangka makanan," katanya di sini semalam.
Beliau berkata demikian kepada *Bernama* selepas merasmikan majlis sambutan itu yang turut dihadiri Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Zainal Fitri Ahmad.
Norhazni berkata, sambutan itu juga turut mendapat kerjasama Universiti Teknologi Mara Seremban 3 dengan penglibatan seramai 100 pelajar selain penyertaan orang awam.